# MAKLUMAN

## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

## PUTRAJAYA

---

### PENGECUALIAN DUTI IMPORT DAN CUKAI JUALAN KE ATAS TOPENG MUKA

Adalah dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018 bersetuju supaya **pengecualian pembayaran duti import dan cukai jualan diluluskan ke atas produk topeng muka** seperti butiran di **Lampiran A.**

Selaras dengan keputusan di bawah Seksyen 35(3)(a) Akta Cukai Jualan 2018, YB Menteri Kewangan juga bersetuju supaya **pengilang berdaftar diberi pengecualian daripada mengenakan cukai jualan ke atas penjualan produk topeng muka tersebut.** Pengecualian diberi berdasarkan Seksyen 35(4) Akta Cukai Jualan 2018.

Pengecualian duti import dan cukai jualan di atas adalah berkuatkuasa **mulai 23 Mac 2020 jam 0001** sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak oleh Kementerian Kewangan setelah pandemik Covid-19 diisytiharkan tamat oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**TARIKH: 21 MAC 2020**

---

Telefon: 03-88822100 | Faksimili: 03-88895884
Laman Web: www.customs.gov.my | Facebook: Jabatan Kastam Diraja Malaysia
E-mel: cpa@customs.gov.my

**LAMPIRAN A**

## Deskripsi Topeng Muka Yang Dikecualikan Duti Import Dan Cukai Jualan

| Nama Barangan | | Kod Tarif |
|---|---|---|
| *Face masks as listed below:* | | |
| 1. | *Face mask (surgical / medical)*<br>*1 ply (ear loop)* | 6307.90.40 00 |
| 2. | *Face mask (surgical / medical)*<br>*2 ply (ear loop)* | 6307.90.40 00 |
| 3. | *Face mask (surgical / medical)*<br>*3 ply (ear loop / head loop / head tie-on)* | 6307.90.40 00 |
| 4. | *Face mask (surgical / medical)*<br>*N95* | 6307.90.90 00 |